

## PERJANJIAN AHLI KAD DEBIT-i OCBC

Perjanjian ini mengandungi terma dan syarat yang dikenakan kepada Kad Debit-i (didefinisikan di bawah) diisukan oleh OCBC Al-Amin Bank Berhad. Apabila Kad Debit-i didaftar atau digunakan, Ahli Kad (didefinisikan di bawah) akan terikat dengan Perjanjian ini.

### 1. DEFINISI DAN INTERPRETASI

1.1 Di dalam Perjanjian ini:

**"ATM"** bermaksud mesin juruwang automatik milik Bank, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, institusi kewangan yang lain atau PayNet, sama ada di dalam atau di luar Malaysia melalui rangkaian ATM (termasuk tetapi tidak terhad pada rangkaian ATM Bank, Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) atau Mastercard International).

**"Pengeluaran Wang Tunai"** bermaksud pengeluaran wang tunai dari mana-mana ATM atau terminal kad pedagang dengan menggunakan Kad Debit-i.

**"Pedagang yang Dibenarkan"** akan termasuk semua pedagang dan individu lain yang membekalkan barang dan/atau perkhidmatan yang mematuhi prinsip Shariah.

**"Bank"** bermaksud OCBC Al-Amin Bank Berhad dan termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah hak.

**"Hari Perniagaan"** bermaksud hari Bank atau cawangannya dibuka untuk perniagaan.

**"Ahli Kad"** bermaksud individu yang diisukan Kad Debit-i oleh Bank.

**"Kemudahan Kad"** bermaksud Pengeluaran Wang Tunai, Pembelian Runcit, Transaksi Tanpa Sentuhan dan kemudahan lain yang mungkin disediakan melalui pemberitahuan bertulis kepada Ahli Kad.

**"Transaksi Kad"** bermaksud transaksi terlibat dengan menggunakan Kad Debit-i.

**"Transaksi Tanpa Sentuhan"** bermaksud Kemudahan Kad yang membenarkan Ahli Kad untuk menggunakan Transaksi Kad untuk Pembelian Runcit, sama ada dengan sentuhan atau imbasan Kad Debit-i semasa checkout untuk menyelesaikan pembelian tanpa memerlukan sebarang tandatangan, PIN atau proses kelulusan yang lain.

**"Kad Debit-i"** bermaksud Kad Debit-i diisukan oleh Bank kepada Ahli Kad berdasarkan prinsip Shariah Ijarah bil 'Amal (perkhidmatan ganjaran), di mana Ahli Kad dikehendaki membayar yuran / caj berkenaan kepada Bank, menurut Perjanjian ini dan sebarang pertukaran, gantian atau pembaharuan. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Kad Debit-i boleh diisukan di bawah skim kad seperti yang ditentukan oleh Bank tertakluk pada budi bicara mutlaknya, termasuk tanpa had Mastercard, MyDebit dan/atau mana-mana skim kad lain.

**"Akaun Ditetapkan"** merujuk kepada akaun simpanan-i atau akaun semasa-i Ahli Kad dengan Bank yang telah ditentukan oleh Ahli Kad untuk Transaksi Kad bagi tujuan Perjanjian ini. Jenis atau kategori akaun yang akan diberikan untuk tujuan melakukan Transaksi Kad adalah tertakluk pada had dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**"Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing"** bermaksud Pemberitahuan terhadap Peraturan Pentadbiran Pertukaran Malaysia diisukan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan lain-lain peraturan dibuat kepadanya, dipinda, dilanjutkan, digubal semula atau disatukan dari semasa ke semasa.

**"PIN"** bermaksud nombor pengenalan peribadi Ahli Kad digunakan untuk Kad Debit-i dan **"TPIN"** adalah nombor pengenalan peribadi ahli untuk kegunaan melalui telefon atau proses elektronik yang lain.

**"Pembelian Runcit"** bermaksud pembelian barang dan/atau perkhidmatan daripada mana-mana Pedagang yang Dibenarkan.

**"Kod Keselamatan"** bermaksud kod keselamatan (termasuk kata laluan, PIN, TPIN, jalur elektronik, cip atau sjil digital) untuk memulakan operasi Akaun Ditetapkan dan menjalankan Transaksi Kad.

**"Penyata Akaun"** bermaksud penyata bulanan yang diisukan oleh Bank kepada Ahli Kad yang merujuk kepada Akaun Ditetapkan.

1.2 Dalam menafsir terma dan syarat ini:

- (a) Perkataan-perkataan yang merujuk kepada singular akan turut termasuk plural dan begitu juga sebaliknya. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki akan turut termasuk wanita dan jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- (b) Rujukan kepada waktu semasa hendaklah dianggap menggunakan waktu Malaysia.
- (c) Rujukan kepada mana-mana undang-undang adalah termasuk sebarang pindaan kepada undang-undang.

## **2. KAD DEBIT-i DAN PIN**

### KAD DEBIT-i

2.1 Bank di atas budi bicara mutlak mengeluarkan Kad Debit-i kepada Ahli Kad di atas permintaan, tertakluk pada terma dan syarat ini. Yuran pendaftaran seperti ditetapkan Bank dalam senarai yuran dan caj perlu dibayar sewaktu pengeluaran Kad Debit-i.

2.2 Kad Debit-i boleh digunakan untuk sebarang Transaksi Kad. Bank di atas budi bicara mutlaknya boleh menambah, mengeluarkan atau mengubahsuai sebarang Kemudahan Kad dengan memaklumkan kepada Ahli Kad terlebih dahulu. Ahli Kad mengesahkan dan bersetuju dengan menggunakan mana-mana Kemudahan Kad, Ahli Kad adalah terikat dengan terma dan syarat yang mengawal penggunaan Kemudahan Kad yang berkaitan. Ahli Kad juga mengesahkan dan bersetuju Transaksi Kad tidak dibenarkan dengan Pedagang yang Dibenarkan atau untuk barang dan perkhidmatan yang tidak mematuhi prinsip Shariah. Walaubagaimanapun, Bank tidak berkewajipan untuk memastikan barang, perkhidmatan atau tujuan di bawah atau untuk Transaksi Kad mematuhi prinsip Shariah.

2.3 Bank tidak akan dipertanggungjawab untuk sebarang penggunaan Kad Debit-i oleh Ahli Kad yang tidak mematuhi prinsip Shariah.

2.4 Ahli Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menghantar Kad Debit kepadanya dengan cara yang digunakan oleh Bank. Ahli Kad boleh mengambil Kad Debit secara peribadi dari cawangan Bank. Sebagai alternatif, (di mana berkenaan) Ahli Kad yang bersetuju untuk menanggung risiko yang timbul daripada penghantaran Kad Debit, termasuk risiko di mana Kad Debit dapat dipintas atau disimpan oleh orang lain atau hilang dalam perjalanan, boleh meminta Bank untuk menghantarkan Kad Debit kepada Ahli Kad atas risikonya. Bank tidak bertanggungjawab atas kerugian dan kerosakan yang bukan disebabkan oleh kecuaian Bank dan Ahli Kad bersetuju untuk memberi ganti rugi terhadap Bank daripada kerugian dan kerosakan tersebut.

2.5 Kad Debit-i ini hanya sah untuk tempoh yang ditetapkan Bank seperti tercetak di Kad Debit-i melainkan ia telah dibatal atau ditamatkan untuk apa-apa sebab di bawah Perjanjian ini. Dengan menerima Kad Debit-i, Ahli Kad bersetuju untuk Bank mengeluarkan Kad Debit-i baharu atau gantian sebelum Kad Debit-i semasa tamat tempoh atau sehingga Ahli Kad menasihatkan bank secara bertulis untuk membatalkan Kad Debit-inya. Yuran tahunan pada kadar yang ditetapkan Bank akan dikenakan. Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa penerimaan apa-apa yuran tahunan oleh Bank tidak seharusnya beroperasi sebagai satu pengecualian atas mana-mana atau kesemua dari hak Bank dalam Perjanjian ini dan tidak akan menghalang Bank tersebut daripada melaksanakan, menguatkuasakan atau terus menguatkuasakan mana-mana daripada haknya di bawah Perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana hak penamatian, pembatalan atau pengantungan.

2.6 Kad Debit-i kekal sebagai hak milik Bank pada setiap masa. Bank di atas budi bicaranya berhak untuk meminta Kad Debit-i dipulangkan pada bila-bila masa, di mana Ahli Kad hendaklah memotong dan memulangkan Kad Debit-i dengan segera kepada Bank.

2.7 Setelah Kad Debit-i diterima, Ahli Kad hendaklah menandatangani di baris tandatangan di belakang Kad Debit-i. Ahli Kad dengan ini bersetuju, berwaad dan mengakujanji bahawa dengan menandatangani di atas dan/atau penggunaan Kad Debit-i akan merupakan penerimaan oleh Ahli Kad terhadap terma dan syarat Perjanjian ini.

#### TERMA DAN SYARAT PIN

2.8 Ahli Kad boleh menetapkan PIN melalui cara yang disediakan oleh Bank, termasuk hadir secara peribadi di cawangan Bank dan menetapkan PIN atas bantuan pegawai Bank. PIN adalah sulit dan tidak patut didekah kepada individu lain dalam apa jua keadaan atau apa jua cara sama ada sengaja atau tidak, kerana Ahli Kad merupakan satu-satunya individu yang disahkan oleh Bank untuk tahu tentang PIN. Ahli Bank digalakkan untuk menukar PIN dari semasa ke semasa untuk tujuan keselamatan. Ahli Kad adalah disifatkan telah membuat dan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang Transaksi Kad yang dijalankan dengan PIN.

#### KEMUDAHAN KAD

2.9 Sekiranya Ahli Kad menggunakan Kad Debit-i untuk Pengeluaran Wang Tunai di mana-mana ATM Bank atau Pedagang yang Dibenarkan yang menerima Kad Debit-i di Malaysia atau di tempat lain, Ahli Kad akan terikat dengan Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan Bank, termasuk terma dan syarat di Bahagian 3 yang mengawal Perkhidmatan Elektronik yang dipinda dari semasa ke semasa. Pengeluaran Wang Tunai sebegini adalah tertakluk pada yuran seperti dinyatakan di dalam senarai yuran dan caj Bank yang akan dipinda dengan minimum 21 hari notis sebelum tarikh pertukaran berkuatkuasa.

2.10 Pengeluaran Wang Tunai dibuat di terminal kad pedagang dengan menggunakan Kad Debit-i akan tertakluk kepada yang berikut:

- (a) Pengeluaran Wang Tunai hendaklah dibuat bersama dengan satu pembelian menggunakan Kad Debit-i;
- (b) Jumlah setiap Pengeluaran Wang Tunai adalah di bawah had yang ditetapkan oleh Bank dan/atau Pedagang yang Dibenarkan yang berkaitan.

2.11 Pembelian Runcit boleh dijalankan menggunakan Kad Debit-i di Pedagang yang Dibenarkan yang menyertai tertakluk pada yuran yang dinyatakan di dalam senarai Yuran dan Caj Bank yang boleh dipinda dengan minimum 21 hari notis sebelum tarikh pertukaran berkuatkuasa.

2.12 Kemudahan Transaksi Tanpa Sentuhan adalah tertakluk pada had dikenakan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada, had pada jumlah dan agregat maksimum Transaksi Kad yang boleh dilaksanakan.

#### PENGGUNAAN KAD DEBIT-i, PIN DAN KEMUDAHAN KAD MENGIKUT UNDANG-UNDANG

2.13 Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad Debit-i, PIN (sama ada untuk Pengeluaran Wang Tunai atau menguatkuaskan pembayaran atau lain-lain) dan Kemudahan Kad untuk mana-mana transaksi atau aktiviti yang tidak sah atau dilarang di bawah undang-undang negara di mana transaksi atau aktiviti berkenaan dikuatkuaskan atau undang-undang oleh negara didiami Ahli Kad.

2.14 Kad Debit-i dan Kemudahan Kad tidak boleh digunakan untuk tujuan atau sebagai saluran melaburkan wang haram dan Ahli Kad dikehendaki memaklumkan Bank dengan segera sekiranya Ahli Kad mengesyaki Kad Debit-i dan Kemudahan Kadnya telah digunakan untuk aktiviti menyalahi undang-undang dan berkaitan. Ahli Kad akan pada setiap masa mematuhi semua undang-undang dan peraturan digubal selaras dengan Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan undang-undang cukai yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

#### TRANSAKSI LUAR NEGARA

2.15 Kad Debit-i tidak boleh digunakan di luar Malaysia, malainkan dan sehingga Ahli Kad memilih untuk berbuat demikian dengan arahan melalui telefon kepada Pusat Hubungan Bank, atau melalui arahan bertulis kepada Bank, atau dalam cara sedemikian sepetimana yang diberitahu oleh Bank. Transaksi-transaksi yang dibuat di luar Malaysia mestilah dalam bentuk matawang rasmi Negara itu atau satu matawang yang boleh diterima oleh Mastercard International, PayNet dan/atau mana-mana francais lain yang dipegang oleh Bank tersebut.

2.16 Transaksi yang dilakukan di luar Malaysia adalah tertakluk kepada yuran pentadbiran yang mungkin dikenakan oleh Mastercard International, PayNet dan/atau apa-apa francais pembayaran lain. Selain itu, Bank tersebut berhak untuk mengecaj Ahli Kad apa-apa kos yang ditanggungi oleh Bank tersebut berhubung dengan penukaran sebarang matawang (selain daripada Ringgit Malaysia

dan Dolar US) kepada Dolar US dan penukaran kemudiannya daripada Dolar US kepada Ringgit Malaysia bagi membolehkan Bank tersebut melaksanakan penyelesaian dalam Ringgit Malaysia.

2.17 Ahli Kad mestilah mematuhi kesemua Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan/atau peraturan-peraturan kawalan pertukaran mana-mana negara lain di mana transaksi tersebut dilaksanakan dan hendaklah bertanggung untuk apa-apa pelanggaran peraturan-peraturan sedemikian dan pindaan-pindaan sejurusnya.

2.18 Bank tersebut mungkin dari semasa ke semasa memberi notis mengenai negara atau negara-negara di mana Kad Debit-i tidak boleh digunakan, dan Bank tersebut tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kehilangan atau kerosakkan yang dialami atau ditanggung jika Kad Debit-i tidak boleh digunakan di negara atau negara-negara tersebut.

#### TRANSAKSI TANPA KAD

2.19 Kad Debit-i tidak boleh digunakan untuk transaksi tanpa kad, melainkan dan sehingga Ahli Kad memilih untuk berbuat demikian dengan arahan melalui telefon kepada Pusat Hubungan Bank, atau melalui arahan bertulis kepada Bank, atau dalam cara sedemikian sepertimana yang diberitahu oleh Bank. Transaksi tanpa kad adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada Transaksi Kad dibuat melalui Internet, peranti mudah alih, telefon, faks dan surat. Ahli Kad mengakui bahawa transaksi tanpa kad adalah terdedah kepada risiko penyelewengan.

### 3. AKAUN DITETAPKAN DAN HAD KAD DEBIT-i

#### HAD KAD DEBIT-i

3.1 Ahli Kad hendaklah memastikan terdapat dana dijelaskan yang mencukupi di dalam Akaun Ditetapkan untuk menjalankan Transaksi Kad miliknya melainkan Ahli Kad telah terlebih dahulu mengaturnya dengan Bank. Bank boleh mengenakan sebarang had terhadap penggunaan Kad Debit-i, termasuk tetapi tidak terhad kepada had kewangan harian untuk Pengeluaran Wang Tunai dan Pembelian Runcit. Tertakluk kepada had maksimum harian yang dikenakan oleh Bank, Ahli Kad boleh mengubah had setiap hari melalui ATM Bank, atau melalui arahan bertulis kepada Bank, atau dalam cara sedemikian sepertimana yang diberitahu oleh Bank dari semasa ke semasa. Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Ahli Kad tidak melebihi had yang ditetapkan.

#### LIABILITI TRANSAKSI KAD

3.2 Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua Transaksi Kad terlibat dengan penggunaan Kad Debit-i.

#### PENAHANAN AKAUN DITETAPKAN

3.3 Bank boleh mengasingkan atau menahan Akaun Ditetapkan milik Ahli Kad berhubung mana-mana Transaksi Kad pada hari Transaksi Kad ditunjukkan kepada Bank untuk pembayaran atau pada hari Bank menerima notis tentang Transaksi Kad. Amaun sebegini yang diasing atau ditahan hanyalah jumlah dianggarkan untuk Transaksi Kad sebenar dan mungkin tidak menyamai Transaksi Kad sebenar. Sekiranya Bank mengasing atau menahan sejumlah amaun, baki di dalam Akaun Ditetapkan milik Ahli Kad akan dikurangkan sebanyak amaun yang diketepikan atau ditahan oleh Bank. Ahli Kad tidak boleh menghentikan pembayaran Transaksi Kad sebegini atau menggunakan mana-mana jumlah yang diketepikan atau ditahan Bank daripada Akaun Ditetapkan miliknya.

Di mana yang berkenaan, Bank boleh mengenepikan atau menahan jumlah tertentu daripada Akaun Ditetapkan milik Ahli Kad untuk tempoh tertentu seperti mana dianggap sesuai, selepas itu Bank akan mendebit Akaun Ditetapkan dengan amaun penuh Transaksi Kad sebenar.

Ahli Kad bersetuju dengan amaun pra-kebenaran RM200 atau amaun tertentu lain seperti dimaklumkan Bank melalui pemberitahuan dimuat naik di [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my) atau melalui kaedah lain dari semasa ke semasa, yang akan dicaj kepada Akaun Ditetapkan apabila Ahli Kad menggunakan Kad Debit-i di mana-mana stesen petrol di dalam Malaysia untuk tujuan pembelian petrol. Ahli Kad juga bersetuju untuk Bank menahan amaun pra-kebenaran tersebut sehingga 3 hari perniagaan selepas tarik transaksi sebelum mengembalikan sebarang lebihan amaun ditahan daripada Akaun Ditetapkan.

#### MENCAPAI HAD KAD

3.4 Untuk membuat pengiraan sama ada had perbelanjaan harian Kad Debit-i telah dicapai, Bank boleh mengambil kira amaun Transaksi Kad mana-mana yang belum didebit daripada Akaun Ditetapkan dan mana-mana pengesahan Bank kepada pihak ketiga berhubungan dengan sesuatu bakal Transaksi Kad.

### 4. MENJALANKAN AKAUN DITETAPKAN

#### MENDEBIT AKAUN DITETAPKAN

4.1 Bank akan mendebit Akaun Ditetapkan milik Ahli Kad dengan semua amaun Transaksi Kad.

#### OVERDRAFT AKAUN DITETAPKAN

4.2 Bank di atas budi bicaranya boleh membenarkan Akaun Ditetapkan milik Ahli Kad membuat pengeluaran berlebihan. Ahli Kad hendaklah membayar amaun overdraft serta-merta. Ini tidak boleh ditafsirkan sebagai membagi arahan Bank untuk terus menawarkan kemudahan itu kepada Ahli Kad.

#### PERUBAHAN AKAUN DITETAPKAN

4.3 Ahli Kad boleh menukar Akaun Ditetapkan, dengan menetapkan akaun simpanan-i atau akaun semasa-i lain Ahli Kad dengan Bank (Akaun Ditetapkan yang baharu) sebagai menggantikan Akaun Ditetapkan sedia ada untuk tujuan Perjanjian ini. Ahli Kad boleh menukar Akaun Ditetapkan miliknya dengan hadir sendiri ke mana-mana cawangan Bank, atau cara-cara lain yang dimaklumkan oleh Bank. Perubahan ini akan sah dari tarikh yang ditetapkan oleh Bank. Sehingga dan melainkan perubahan Akaun Ditetapkan telah didaftarkan dalam sistem Bank, Perjanjian ini akan terus berkenaan dengan mana-mana Transaksi Kad yang amanannya telah diketepikan daripada Akaun Ditetapkan sebelum ini.

### 5. YURAN, CAJ & CUKAI

5.1 Bank adalah berhak untuk mengenakan dan membuat potongan daripada Akaun Ditetapkan untuk tujuan-tujuan berikut:-

- (a) yuran dan caj dikenakan untuk yuran tahunan, pengeluaran dan penggantian Kad Debit-i untuk Transaksi Kad, Kemudahan Kad pada kadar tertentu yang boleh dikenakan dari semasa ke semasa;
- (b) sebarang cukai nilai ditambah, cukai barang dan perkhidmatan, pegangan atau cukai lain, levi atau caj terhadap mana-mana Transaksi Kad atau Kemudahan Kad; dan
- (c) sebarang yuran dan kos guaman (sebagai peguam dan cara klien sendiri) yang ditanggung Bank untuk mana-mana interplider, pemulihan atau mana-mana prosiding lain.

Liabiliti Ahli Kad akan terus wujud selepas penamatan hubungan pelanggan dengan bank.

5.2 Yuran dan caj boleh didapati di cawangan Bank, laman web atau saluran penghantaran lain Bank. Bank boleh mengubah yuran dan caj tersebut dengan sekurang-kurangnya 21 hari notis sebelum tarikh pertukaran berkuatkuasa.

### 6. KAD DEBIT-i HILANG, DICURI DAN/ATAU ROSAK

6.1 Selepas ini Ahli Kad akan sentiasa bertanggungjawab kepada Bank untuk semua amaun yang ditanggung di dalam Transaksi Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran, caj dan cukai yang mana berkenaan melalui penggunaan Kad Debit-i. Ahli Kad hendaklah mengambil semua langkah sepatutnya untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penyelewengan penggunaan Kad Debit-i dan untuk mencegah pendedahan PIN Ahli Kad kepada individu lain. Sekiranya mana-mana Kad Debit-i hilang atau dicuri atau PIN telah terdedah atau hilang atau terjejas atau pembaharuan atau penggantian Kad Debit-i tidak diterima, Ahli Kad hendaklah memaklumkan Bank segera. Ahli Kad hendaklah membuat laporan polis dan salinan laporan mestilah diserahkan kepada Bank. Melainkan dan sehingga dimaklumkan, sama ada secara lisan atau bertulis daripada Ahli Kad diterima Bank, Ahli Kad terus bertanggungjawab kepada Bank terhadap semua amaun berpunca daripada Transaksi Kad, bersama-sama yuran, caj dan cukai, yang mana berkenaan.

6.2 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi yang tidak berdasarkan PIN jika anda telah:

- (a) bertindak penipuan, atau

- (b) menangguhkan dalam memaklumkan OCBC dengan secepat mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Debit-i anda tanpa kebenaran, atau
- (c) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela, atau
- (d) mencatatkan PIN anda pada Kad Debit-i, atau pada apa-apa yang disimpan bersama Kad Debit-i anda, yang mungkin boleh hilang atau dicuri dengan Kad Debit-i.

Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan jika anda telah:

- (a) bertindak penipuan, atau
- (b) menangguhkan dalam memaklumkan OCBC dengan secepat mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Debit-i anda tanpa kebenaran, atau
- (3) meninggalkan Kad Debit-i atau barang yang mengandungi Kad Debit-i anda tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- (4) memberi kebenaran orang lain menggunakan Kad Debit-i anda secara sukarela.

6.3 Sekiranya dalam situasi buntu atau Ahli Kad tidak berpuas hati dengan keputusan Bank, Ahli Kad boleh merujuk pertikaian kepada Ombudsman for Financial Services (OFS).

#### **PENGGANTIAN KAD DEBIT-i YANG HILANG, DICURI ATAU ROSAK**

6.4 Bank dengan budi bicaranya boleh mengeluarkan Kad Debit-i gantian dengan terma dan syarat yang dianggap wajar oleh Bank, dan Bank berhak untuk mengenakan yuran penggantian seperti yang dinyatakan dalam senarai yuran dan caj Bank berkaitan dengan mana-mana Kad Debit-i yang hilang atau dicuri. Yuran penggantian kad tersebut akan didebit dari Akaun Ditetapkan dan tidak akan dikembalikan.

### **7. PENAMATAN KAD DEBIT-i DAN AKAUN DITETAPKAN**

#### **PENAMATAN SETELAH PENUTUPAN AKAUN DITETAPKAN**

7.1 Bank dan Ahli Kad boleh menutup Akaun Ditetapkan mengikut peruntukan di dalam Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan Bank atau jika terdapat pelanggaran klaus 17.2 atau klaus 17.3. Setelah Akaun Ditetapkan ditutup, sama ada oleh Bank atau Ahli Kad, Kad Debit-i mungkin tidak boleh digunakan melainkan Ahli Kad mempunyai akaun simpanan-i atau akaun semasa-i lain dengan Bank dan menetapkan akaun simpanan-i atau akaun semasa-i lain untuk digunakan dengan Kad Debit-i. Walaubagaimanapun, jika Ahli Kad tidak mempunyai akaun simpanan-i atau akaun semasa-i dengan Bank yang boleh ditetapkan dengan Kad Debit-i, Kemudahan Kad akan ditamatkan walaupun Kad Debit-i tidak dipulangkan kepada Bank untuk pembatalan.

#### **HAK AHLI KAD UNTUK PEMBATALAN**

7.2 Ahli Kad boleh membatalkan Kad Debit-i dengan memberi pemberitahuan bertulis kepada Bank atau memotong Kad Debit-i. Ahli Kad boleh, bergantung kepada terma dikenakan Bank, menggantung atau membatalkan penggunaan mana-mana Kemudahan Kad melalui ATM Bank, atau melalui arahan telefon diberi kepada Pusat Hubungan Bank, atau melalui arahan bertulis diberi kepada Bank, atau cara sedemikian yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

#### **KEWAJIPAN SELEPAS PEMBATALAN**

7.3 Setelah Kemudahan Kad dibatalkan, Ahli Kad hendaklah berhenti menggunakan Kad Debit-inya. Kewajipan Ahli Kad dalam Perjanjian ini akan berterusan dan Bank akan terus berhak untuk mendebit Akaun Ditetapkan Ahli Kad untuk semua amaun yang ditanggung atau berkaitan dengan Transaksi Kad yang dilakukan sebelum atau selepas pembatalan Kemudahan Kad, termasuk segala yuran, caj dan cukai yang mana berkenaan. Sehingga sekiranya ada, yang namanya dikekalkan dalam Akaun Ditetapkan) akan terus bertanggungjawab kepada Bank untuk amaun sedemikian.

### **8. LIABILITI**

#### **LIABILITI AHLI KAD**

8.1 Ahli Kad adalah bertanggungjawab untuk dan perlu membayar Bank atassegala baki tertunggak Kad Debit-i Ahli Kad dan/atau Akaun Ditetapkan, termasuk semua jumlah, yuran, caj dan cukai yang mana berkenaan, terlibat atau didebit daripada Kad Debit-i dan/atau Akaun Ditetapkan selaras

dengan Perjanjian ini (sama ada sebelum atau selepas pembatalan kegunaan mana-mana Kad Debit-i).

#### TANGGUNGJAWAB PEMILIK AKAUN BERSAMA

8.2 Akaun bersama tidak boleh digunakan sebagai Akaun Ditetapkan melainkan akaun bersama tersebut boleh digunakan oleh mana-mana pemilik akaun secara berseorangan. Sekalipun Akaun Ditetapkan wujud dengan nama bersama dan boleh digunakan oleh mana-mana pemilik akaun secara berseorangan, Bank dengan budi bicara mutlak, atas permintaan mana-mana pemilik Akaun Ditetapkan, mengeluarkan Kad Debit-i kepada semua pemilik akaun. Semua pemilik Akaun Ditetapkan bersama adalah sama-sama bertanggungjawab dan perlu membayar Bank apabila diminta, untuk sebarang dan semua amaun yang perlu dibayar dan telah berhutang pada Kad Debit-i dan/atau Akaun Ditetapkan dan/atau dalam Perjanjian ini, seolah-olah setiap pemilik Akaun Ditetapkan adalah Ahli Kad.

8.3 Sekiranya akaun bersama dijalankan secara berseorangan digunakan sebagai Akaun Ditetapkan mengikut klausula 8.2 ke atas, permintaan untuk menukar mandat menjalankan akaun bersama akan menyebabkan pemberhentian penggunaan akaun bersama itu sebagai Akaun Ditetapkan. Sekiranya berlaku, Ahli-ahli Kad hendaklah menukar Akaun Ditetapkan selaras dengan klausula 4.3 di atas, yang mana kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Ahli-ahli Kad tidak dibenarkan lagi menggunakan Kad Debit-i.

### 9. PENGECUALIAN LIABILITI

#### KAD DEBIT-i DAN KEMUDAHAN KAD

9.1 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan:

- (a) sekiranya mana-mana Kad Debit-i atau penggunaan Kemudahan Kad ditolak oleh mana-mana Pedagang yang Dibenarkan atau mana-mana terminal untuk memproses Transaksi Kad atau yang berkenaan dengan Kemudahan Kad atau sekiranya Bank enggan mengesahkan untuk apa-apa sebab mana-mana Transaksi Kad;
- (b) untuk sebarang kerosakan, kecacatan atau kegagalan sebarang sistem elektronik, mekanikal, rangkaian, terminal atau pemprosesan data, komputer atau telekomunikasi (secara kolektif, "Sistem") digunakan untuk memproses Transaksi Kad atau memudahkan penggunaan Kemudahan Kad atau lain-lain mesin atau sistem pengesahan sama ada kepunyaan atau dijalankan oleh Bank atau individu lain melainkan kerosakan, kecacatan atau kegagalan berpunca daripada kecuaian Bank;
- (c) untuk sebarang kelewatan atau kegagalan Bank untuk menjalankan mana-mana tanggungjawab dalam Perjanjian ini disebabkan kecacatan atau kegagalan elektronik, system mekanikal, pemprosesan data, atau telekomunikasi, Perbuatan Tuhan, keganasan, gangguan ketenteraman awam atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank atau sebarang kakitangan, ejen atau kontraktor Bank;
- (d) untuk sebarang kerosakan, kehilangan atau kegagalan untuk mendapatkan semula sebarang data atau maklumat yang mungkin disimpan di dalam Kad Debit-i atau sebarang mikrocip atau litar atau peranti di dalam Kad Debit-i; dan
- (e) untuk sebarang:
  - (i) kerosakan terhadap kredit, perwatakan dan reputasi Ahli Kad yang berkaitan dengan pemilikan semula Bank atau permohonan Bank untuk pemulangan semula;
  - (ii) penangguhan untuk melepaskan sebarang amaun yang ditahan untuk Akaun Ditetapkan, melainkan jika penangguhan itu disebabkan oleh kelalaian Bank secara kasar;
  - (iii) kegagalan Bank untuk mengikut arahan pembayaran (termasuk tetapi tidak terhad kepada GIRO atau arahan pembayaran tetap lain) diberikan oleh Ahli Kad disebabkan dana yang ada di dalam Akaun Ditetapkan tidak mencukupi atau dana yang ada di dalam Akaun Ditetapkan tidak mencukupi berpunca daripada penahanan Bank terhadap amaun yang diletakkan di dalam Akaun Ditetapkan atau lambat melepaskan amaun yang ditahan melainkan jika penangguhan itu disebabkan oleh kelalaian Bank secara kasar; dan
  - (iv) amaun ditahan di Akaun Ditetapkan setelah menerima permohonan untuk pengesahan Transaksi Kad atau pemberitahuan Transaksi Kad atau permohonan untuk pembayaran

(termasuk tetapi tidak terhad kepada permohonan melalui kaedah elektronik) walaupun permohonan sedemikian atau pemberitahuan yang tidak disahkan atau dipalsukan atau Transaksi Kad tidak dilaksanakan atau dibatalkan.

9.2 Bank akan mengambil langkah-langkah sepatutnya untuk membetulkan sebarang kecacatan, kerosakan atau kegagalan mana-mana Sistem di bawah kawalan Bank untuk mengembalikan pemprosesan Transaksi Kad dan penggunaan Kemudahan Kad yang terjejas untuk meringankan akibat buruk berpunca daripada kecacatan, kerosakan atau kegagalan tersebut.

#### MASALAH DENGAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

9.3 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua sekalipun sekiranya Ahli Kad menghadapi sebarang masalah dengan barang dan perkhidmatan diterima melalui penggunaan Kad Debit-i atau sebarang manfaat, diskaun atau program daripada mana-mana Pedagang yang Dibenarkan yang Bank telah sediakan untuk Ahli Kad.

9.4 Sekiranya Ahli Kad mempunyai sebarang aduan terhadap Pedagang yang Dibenarkan, Ahli Kad hendaklah menyelesaikan pertikaian dengan pedagang terlibat. Sebarang pertikaian adalah di antara Ahli Kad dan Pedagang yang Dibenarkan dan Bank tidak akan terlibat dengan pertikaian yang berlaku. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kuantiti, kualiti, kebolehdagangan, kecergasan untuk tujuan atau sebarang aspek barang dan perkhidmatan dibekalkan oleh Pedagang yang Dibenarkan kepada Ahli Kad atau berhubungan dengan mana-mana kontrak atau transaksi dijalankan oleh pedagang tersebut dengan Ahli Kad berkaitan dengan penggunaan Kad Debit-i.

9.5 Bank akan mengkredit Akaun Ditetapkan dengan amaun mana-mana pulangan hanya pada resit yang sama disokong oleh baucar kredit yang dikeluarkan oleh Pedagang yang Dibenarkan. Ahli Kad mengesahkan dan bersetuju sebarang pulangan dengan sebarang amaun dicaj sebelum ini kepada Kad Debit-i adalah tertakluk pada terma, syarat, peraturan, prosedur dan/atau garis panduan yang mungkin dikeluarkan oleh skim kad berkaitan dari semasa ke semasa.

9.6 Walaupun tanpa penghantaran atau tiada prestasi atau kecacatan yang berlaku kepada mana-mana barang dan perkhidmatan, Ahli Kad hendaklah membayar bank amaun penuh ditunjukkan di dalam Penyata Akaun. Liabiliti Ahli Kad dan kewajipannya untuk membuat pembayaran kepada Bank tidak akan dijejaskan oleh sebarang pertikaian atau tuntutan balik atau hak tolakan yang mungkin ada oleh Ahli Kad terhadap Pedagang yang Dibenarkan.

### 10. KEMUKTAMADAN DOKUMEN DAN SIJIL

#### BUKTI YANG MUKTAMAD

10.1 Rekod Bank (termasuk rekod elektronik, komputer dan simpanan melalui filem mikro) berkaitan semua perkara dengan Kad Debit-i, Akaun Ditetapkan dan/atau milik Ahli Kad dan mana-mana sijil daripada Bank menyatakan liabiliti Ahli Kad kepada Bank pada mana-mana tarikh dinyatakan adalah muktamad berkaitan ketepatan dan kesahihan dan hendaklah mengikat Ahli Kad untuk apa tujuan.

#### PENYATA

10.2 Bank akan menghantar penyata akaun kepada Ahli Kad merujuk kepada Akaun Ditetapkan ("Penyata Akaun") pada sela masa tertentu seperti yang diperuntukkan dan ditadbir oleh Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan Bank yang mentadbir Akaun Ditetapkan. Penyata Akaun adalah bukti muktamad dan mengikat Ahli Kad jika tiada kesilapan yang nyata. Ahli Kad hendaklah mengesahkan semua masukan dalam apa-apa Penyata Akaun dan memaklumkan kepada Bank secara bertulis (atau cara lain yang dibenarkan oleh Bank) bagi apa-apa kesilapan atau percanggahan dalam Penyata Akaun dalam tempoh 14 hari (atau dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank) dari tarikh Penyata Akaun itu. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, masukan di dalam Penyata Akaun itu hendaklah disifatkan sebagai betul, muktamad, dan mengikat terhadap Ahli Kad. Bank adalah berhak untuk mengembalikan apa-apa masukan yang tidak betul atau silap walau apa pun penerimaan oleh Ahli Kad.

## 11. PINDAAN

### PINDAAN TERHADAP PERJANJIAN

11.1 Bank boleh pada bila-bila masa atas budi bicaranya dan dengan memberi notis bertulis 21 hari calendar kepada Ahli Kad, menambah atau menukar mana-mana satu atau lebih terma dan syarat di dalam Perjanjian ini akan berkuatkuasa dari tarikh dinyatakan di dalam pemberitahuan. Sekiranya Ahli Kad tidak menerima perubahan yang dibuat, dia hendaklah meghentikan penggunaan Kad Debit-i dan mengarahkan Bank untuk menamatkan Kad Debit-i. Jika Ahli Kad terus menggunakan Kad Debit-i selepas menerima makluman, Ahli Kad bersetuju dan menerima perubahan yang dibuat.

### HAK UNTUK MEMPELBAGAIKAN YURAN DAN CAJ

11.2 Bank boleh pada bila-bila masa atas budi bicaranya dan dengan memberi notis bertulis 21 hari calendar kepada Ahli Kad, menukar kadar semasa dan/atau amanu mana-mana yuran atau caj yang perlu dibayar oleh Ahli Kad seperti dinyatakan di dalam senarai yuran dan caj Bank. Yuran dan caj yang dikemaskini akan dikuatkuasa mulai tarikh yang dinyatakan di dalam pemberitahuan.

11.3 Pemberitahuan bertulis untuk pindaan, pengubahan atau perubahan di dalam klausu ini boleh diberi melalui apa-apa cara yang dinyatakan di dalam klausu 14.4, disampaikan dan diterima oleh Ahli Kad pada tarikh yang dinyatakan di klausu 14.5(c).

## 12. PENDEDAHAN

12.1 Tertakluk kepada arahan nyata Ahli Kad (sekiranya ada) yang menghadkan pendedahan, data peribadi Ahli kad, butiran akaun dan hubungan dengan Bank tersebut ("Maklumat") akan didedahkan ke orang-orang atau badan-badan kepada siapa yang bank dikehendaki dari sisi undang-undang atau dibenarkan oleh undang-undang untuk didedahkan atau diluluskan secara bertulis oleh Bank Negara Malaysia untuk didedahkan atau kini atau selanjutnya dibenarkan secara bertulis oleh Ahli Kad untuk didedahkan.

12.2 Tanpa menghadkan Klausu 12.1, Ahli Kad secara nyata memberi keizinan untuk pendedahan Maklumat kepada pihak tersebut untuk tujuan yang dinyatakan di bawah:

	<b>Pihak kepada siapa Maklumat boleh didedahkan</b>	<b>Tujuan/Keadaan untuk pendedahan Maklumat</b>
(a)	Pemproses data dan pembekal khidmat untuk Bank, sama ada di dalam atau luar Malaysia;	Untuk pelaksanaan perkhidmatan untuk Bank tersebut;
(b)	Perbadanan Berkaitan dan syarikat bersekutu dengan Bank, di dalam dan di luar Malaysia, penerima hak milik dan pengganti hak milik mereka;	Untuk Cross Selling, peningkatan perkhidmatan dan penyelidikan pasaran;
(c)	Badan-badan kawalan selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa cukai, pihak polis, badan-badan penguat kuasa undang-undang dan mahkamah, kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia termasuk menurut Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat;	Untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan;
(d)	Pihak keselamatan dan ketiga yang bertujuan untuk menyelesaikan hutang Ahli Kad;	Untuk penyelesaian hutang Ahli Kad;
(e)	PayNet/Mastercard International/ atau francais lain, peniaga dan pihak lain dengan/atau melaluinya apa-apa transaksi yang dimasukkan atau Kemudahan Kad;	Untuk mematuhi tatacara yang ditetapkan oleh PayNet/Mastercard International atau francais lain atau untuk penyelesaian atau rundingan atas mana-mana tuntutan atau pertikaian dan untuk pertanyaan pengendalian yang timbul daripada atau berkaitkan dengan mana-mana transaksi atau Kemudahan Kad

(f)	Peguam, pakar dalam penyelewengan, teknologi maklumat dan mana-mana profesional/ perunding/ pakar yang memberi perkhidmatan kepada Bank tersebut berhubungan dengan apa-apa perkara undang-undang atau apa-apa perkara yang memerlukan pengetahuan atau nasihat profesional atau pakar;	Untuk nasihat professional dan perundingan dari pihak yang dilantik oleh bank;
(g)	Ejen diberi kuasa oleh Ahli kad, pelaksana, pentadbir atau wakil perundangan; dan	Untuk pengurusan hal-hal Ahli Kad;
(h)	Ahli serah hak atau pemeroleh Bank;pemegang serah hak atau pemeroleh berpotensi dan pengganti hak milik;	Untuk penyusunan semula termasuk pelupusan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan bank;

12.3 Ahli Kad memperakui telah membaca Dasar Sulit Bank yang terdapat di laman web Bank yang menyatakan bahawa:

- (a) Bank mungkin mengumpul maklumat peribadi secara terus daripada Ahli Kad atau daripada sumber pihak ketiga;
- (b) tujuan maklumat peribadi dikumpul;
- (c) hak Ahli Kad untuk mengakses maklumat peribadinya dan membuat pembetulan;
- (d) kategori pihak ketiga untuk pihak Bank mendedahkan maklumat peribadinya;
- (e) pilihan dan cara untuk menghadkan maklumat peribadi diproses;
- (f) sama ada maklumat peribadi yang dikehendaki adalah wajib atau sukarela, dan sekiranya wajib, kesan sekiranya tidak memberi maklumat tersebut;
- (g) Ahli Kad boleh mengemaskini maklumat peribadinya sebaik sahaja terdapat perubahan; dan
- (h) maklumat Bank untuk dihubungi sekiranya Ahli Kad berhasrat untuk membuat pertanyaan atau memberi maklum balas.

12.4 Ahli Kad memberi keizinan dan kuasa kepada Bank untuk menjalankan pemeriksaan kredit dan mengesahkan maklumat diberi oleh Ahli Kad kepada Bank, dengan mana-mana pihak tanpa had termasuk mana-mana biro kredit, organisasi atau badan korporat ditubuhkan dengan tujuan mengutip dan memberi kredit atau lain-lain maklumat). Ahli Kad memberi keizinan kepada agensi pelaporan kredit yang berkaitan seperti dinyatakan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit, 2010) ("CRA") yang menjalankan pemeriksaan kredit bagi pihak OCBC untuk mendedahkan laporan/maklumat kredit kepada Bank untuk tujuan memenuhi keperluan Perjanjian ini dan untuk kegunaan dan semakan pengurusan risiko Bank. Dengan ini Bank adalah diberi kuasa tetapi tiada obligasi untuk menyampaikan keizinan Ahli Kad dan tujuan pendedahan kepada agensi laporan kredit yang berkaitan.

12.5 Tertakluk kepada arahan nyata (jika ada) Ahli Kad mengehadkan pendedahan, kebenaran kepada bank untuk mendedahkan maklumat peribadi (terhad kepada nama dan butiran untuk dihubungi) kepada organisasi di dalam Kumpulan OCBC (di Malaysia) yang bekerjasama atau bersekutu dengan Bank, untuk tujuan pemasaran terus produk dan perkhidmatan organisasi terlibat. Ahli Kad pada bila-bila masa boleh menarik balik kebenaran pemasaran terus untuk produk dan perkhidmatan ini secara permohonan bertulis kepada Bank.

### 13. TOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

Bank dengan pemberitahuan awal sebanyak 7 hari terdahulu, menggabung dan menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad dengan Bank dan menolak selesai atau memindahkan baki kredit bagi mana-mana akaun termasuk akaun bersama atau mengeluarkan semua jumlah yang terhutang kepada Bank oleh Ahli Kad. Sekiranya jumlah adalah di dalam mata wang yang berbeza, Bank boleh membuat pertukaran sepatutnya pada kadar pertukaran lazim Bank. Bank dengan pemberitahuan awal sebanyak 7 hari terdahulu boleh memindahkan baki kredit ke dalam mana-mana akaun bagi menjelaskan semua atau mana-mana jumlah di bawah mana-mana akaun Ahli Kad dengan mana-mana ahli Kumpulan OCBC.

#### **14. PEMBERITAHUAN**

##### **ARAHAN DAN PEMBERITAHUAN DARIPADA AHLI KAD**

14.1 Semua notis dan arahan bertulis yang diberi oleh Ahli Kad kepada Bank mesti dihantar ke cawangan Akaun Ditetapkan disenggara. Pemberitahuan dan arahan bertulis tersebut dianggap diterima apabila Bank memperakui penerimaan pemberitahuan atau arahan bertulis.

14.2 Bank berhak untuk bergantung dan bertindak atas arahan Ahli Kad, sama ada disampaikan melalui telefon, pos, faksimile atau alat elektronik lain. Bank hanya akan menjalankan arahan mengikut amalan perniagaan, prosedur dan polisi yang biasa dan boleh menolak sebarang arahan tanpa bertanggungjawab ke atas Ahli Kad.

14.3 Bank boleh merekod semua perbualan telefon dan arahan dan boleh menggunakan rakaman dan transkrip sebagai bukti dalam sebarang pertikaian.

##### **NOTIS-NOTIS DARIPADA BANK**

14.4 Bank boleh memberikan apa-apa komunikasi atau pemberitahuan kepada Ahli Kad melalui pos, pemberitahuan melalui media massa, mengepos pemberitahuan di cawangan Bank, memasukkan notis ke dalam Penyata Akaun, sebaran elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit, lain-lain peranti atau Internet) atau memaparkan di laman web Bank atau di ATM atau terminal lain milik Bank.

14.5 Notis atau komunikasi sedemikian daripada Bank:-

(a) jika dihantar melalui pos atau kurier kepada Ahli Kad dengan alamatnya didaftarkan dengan Bank disifatkan telah dibuat:

- (i) dalam tempoh tiga (3) hari selepas dipos sekiranya alamat Ahli Kad di dalam Malaysia dan lima (5) hari selepas dipos sekiranya alamat di luar Malaysia; atau
- (ii) pada hari yang sama notis atau komunikasi sampai di alamat Ahli Kad, sekiranya dihantar melalui kurier; atau

(b) sekiranya dihantar ke nombor faksimile, nombor telefon bimbit/peranti, emel Ahli Kad yang didaftarkan dengan bank, disifatkan telah dibuat kepada Ahli Kad setelah dihantar; atau

(c) sekiranya dipaparkan di cawangan, laman web Bank atau media massa, notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah dihantar pada tarikh di dalam notis dan sekiranya tiada tarikh dinyatakan, tarikh dipaparkan atau diterbitkan akan digunakan.

#### **15. TERMA-TERMA UMUM**

15.1 Ahli Kad adalah terikat dengan mana-mana keputusan atau kesimpulan berkaitan hal-ehwal Shariah diumumkan atau dibuat oleh Majlis Penasihat Shariah ditubuhkan di bawah Seksyen 51 Akta Bank Pusat Malaysia, 2009 dan/atau mana-mana badan berkaitan sewaktu perjanjian dahulu, semasa dan akan datang. Ahli Kad bersetuju untuk diikat dan menerima semua keputusan, kesimpulan atau tafsiran berkaitan hal-ehwal Shariah diumumkan atau dibuat dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Shariah Bank.

15.2 Peruntukan Perjanjian ini hanyalah sebagai tambahan dan tidak menggantikan peruntukan mana-mana perjanjian yang Ahli Kad sedia ada dengan Bank berkaitan dengan mana-mana Akaun Ditetapkan, termasuk Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan, lain-lain perjanjian di antara Bank dan Ahli Kad atau mana-mana hak Bank yang berpunca daripada perjanjian tersebut. Sekiranya terdapat percanggahan, Perjanjian ini akan diutamakan berkaitan dengan penggunaan Kad Debit-i dan hal-ehwal yang berkaitan. Penyelesaian di bawah Perjanjian ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif selagi masih di bawah undang-undang.

15.3 Penerimaan bank untuk pembayaran lewat atau berseparuh atau cek atau kiriman wang dianggap sebagai pembayaran penuh tidak boleh berfungsi sebagai pengecualian untuk mana-mana atau sepenuhnya hak Bank yang diwujudkan di bawah ini dan tidak boleh menghalang Bank daripada menguatuksaskan atau terus menguatuksaskan mana-mana haknya di bawah Perjanjian ini untuk mengumpul jumlah yang perlu dibayar dan tidak akan menerima operasi sebagai persetujuan untuk pengubahsuaian Perjanjian ini kepada mana-mana berkaitan.

15.4 Sebarang kelonggaran, kegagalan atau kelewatan oleh Bank untuk menjalankan apa-apa hak atau kuasa yang terkandung di bawah ini tidak boleh berkuatkuasa sebagai pengecualian daripadanya dan juga tidak boleh menghalang Bank daripada menjalankan apa-apa hak atau menguatkuasakan mana-mana kuasa dan tidak boleh ditafsirkan sebagai persetujuan kepada pengubahsuaian Perjanjian ini dalam apa yang berkaitan.

15.5 Semua perkara yang berbangkit daripada pengeluaran atau penggunaan Kad Debit-i adalah dikawal oleh undang-undang Malaysia dan pihak-pihak Perjanjian ini dengan ini menyerahkan kepada bidang kuasa Mahkamah Kuala Lumpur dan Ahli Kad dengan ini mengecualikan sebarang bantahan terhadap tindakan undang-undang di Mahkamah Kuala Lumpur sama ada atas alasan tempat atau atas alasan tindakan undang-undang telah menyebabkan kesukaran forum.

15.6 Bank tersebut akan berhak untuk melantik ejensi-ejensi pengutipan untuk mengutip kesemua jumlah yang kena dibayar kepada Bank tersebut oleh Ahli Kad di bawah Perjanjian ini.

15.7 Tanggungan-tanggungan dan/atau kewajipan-kewajipan yang diwujudkan oleh Perjanjian ini akan terus menjadi sah dan mengikat bagi kesemua tujuan apa sekalipun tanpa menghiraukan sebarang perubahan melalui percantuman, penyatuhan, pembentukan semula atau sebaliknya yang mungkin dibuat dalam perlombagaan Bank tersebut.

15.8 Sebarang terma, syarat, penentuan, peruntukan, waad atau akujanji Perjanjian ini yang mana adalah tidak sah di sisi undang-undang, batal, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidangkuasa akan berhubung dengan bidangkuasa yang sedemikian menjadi tidak berkesan setakat kepenyalahan undang-undang, sifat batal, larangan atau sifat tidak boleh dikuatkuasakan tanpa mentaksahkan peruntukan-peruntukan lain dan sebarang kepenyalahan undang-undang, sifat batal, larangan atau sifat tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidangkuasa tidak akan mentaksahkan atau menjadikan tidak sah di sisi undang-undang, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma, syarat, penentuan, peruntukan, waad atau akujanji yang sedemikian dalam mana-mana bidangkuasa yang lain.

## 16. PERTIKAIAN DAN PERTANYAAN

16.1 Sekiranya Ahli Kad mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan sebarang bantuan atau ingin meningkatkan pertikaian, Ahli Kad boleh menghubungi Bank di 03-8314 9310 atau mengakses butang "Hubungi Kami" di laman web Bank. Di samping itu, Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk membaca Dasar Privasi Bank, Penyata Keselamatan dan Piagam Pelanggan di laman web Bank.

16.2 Ahli kad yang ingin meningkatkan pertikaian akan diperlukan untuk memberi butir-butir tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama Ahli Kad, akaun terlibat, tarikh transaksi dipertikai, jumlah transaksi dipertikai serta sebab Ahli Kad ingin mempertikaikan transaksi tersebut. Semua pertikaian akan disiasat oleh Bank dan jika didapati palsu, akan ditolak. Jika bayaran telah dilakukan untuk pertikaian tersebut, bayaran hendaklah dibayar balik kepada Bank dan semua perbelanjaan yang dilakukan dalam siasatan dan pembayaran pulih akan ditanggung oleh pembuat pertikaian palsu tersebut. Selain itu, laporan polis akan dibuat terhadap semua pertikaian palsu.

## 17. SEKATAN

### 17.1 Tafsiran

Takrifan berikut mempunyai makna masing-masing dalam Klausa 17 ini:

"Ahli Gabungan" bermaksud, sebuah syarikat yang berkaitan dengan Pelanggan termasuk "syarikat induk muktamad seperti yang ditakrifkan di bawah S5 dan S7 Akta Syarikat 2016.

"Undang-undang Pencegahan Rasuah" bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Rasuah 2010 United Kingdom, Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat 1977 dan

mana-mana undang-undang, peraturan atau peraturan serupa yang dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia , Amerika Syarikat, atau mana-mana bidang kuasa lain.

“Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram” bermaksud keperluan penyimpanan rekod kewangan dan pelaporan yang berkenaan dan statut pengubahan wang haram di Malaysia dan setiap bidang kuasa di mana Pelanggan dan Ahli Gabungannya menjalankan perniagaan atau operasi, peraturan dan peraturan di bawahnya dan mana-mana peraturan yang berkaitan atau serupa. , peraturan atau garis panduan, dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia atau prosiding oleh atau di hadapan mana-mana mahkamah.

“terkawal” bermaksud apabila seseorang (sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada dengan modal syer, kuasa mengundi, kontrak atau sebaliknya) mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memecat majoriti ahli badan induk orang lain atau sebaliknya mengawal atau mempunyai kuasa untuk mengawal hal ehwal dan dasar orang lain itu dan orang lain itu dianggap “dikawal” oleh orang pertama.

“majoriti dimiliki” bermaksud pegangan secara benefisial atau sah lebih daripada 50 peratus. modal saham terbitan (atau setara) atau hak mengundi orang tersebut (tidak termasuk mana-mana bahagian modal saham terbitan itu (atau setara) yang tidak mempunyai hak untuk mengambil bahagian melebihi jumlah tertentu dalam pengagihan sama ada keuntungan atau modal).

“Orang Terhad” bermaksud, pada bila-bila masa:

- (a) mana-mana orang yang disenaraikan dalam mana-mana senarai berkaitan Sekatan bagi orang yang ditetapkan yang disenggarakan oleh Pihak Berkuasa Sekatan;
- (b) mana-mana orang yang beroperasi, berorganisasi, bermastautin, diperbadankan, berdaftar, atau bermastautin secara sah di Negara Bersekatan; atau
- (c) mana-mana orang yang dikawal atau majoriti dimiliki oleh seseorang yang diterangkan dalam (a) atau (b) di atas.

“Negara Terhad” bermaksud, pada bila-bila masa, negara atau wilayah yang menjadi subjek atau sasaran mana-mana Sekatan menyeluruh atau seluruh negara atau seluruh wilayah, termasuk tetapi tidak terhad kepada Korea Utara, Iran, Syria, Cuba, wilayah Crimea Ukraine dan Israel.

“Sekatan” bermaksud sebarang sekatan perdagangan, ekonomi atau kewangan, embargo atau langkah sekatan atau undang-undang atau peraturan berkaitan yang digubal, dikenakan, ditadbir atau dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh:

- (a) kerajaan Amerika Syarikat, termasuk yang ditadbir oleh Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan A.S. atau Jabatan Negara A.S.;
- (b) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (c) Kesatuan Eropah dan mana-mana negara anggota Kesatuan Eropah;
- (d) United Kingdom;
- (e) Bank Negara Malaysia; atau
- (f) mana-mana pihak berkuasa kerajaan lain yang berkaitan (termasuk, untuk mengelakkan keraguan, pihak berkuasa kerajaan tersebut mempunyai bidang kuasa ke atas (i) Pelanggan dan/atau Bank (sama ada berdasarkan bidang kuasa penubuhannya atau tempat perdagangan, perniagaan, atau aktiviti operasi lain) atau (ii) transaksi yang dipertimbangkan oleh Terma dan Syarat ini),

(setiap satu, "Pihak Berkuasa Sekatan").

## **17.2 Perwakilan Sekatan dan Waranti oleh Pelanggan**

Pelanggan dengan ini mewakili dan menjamin kepada Bank seperti berikut:

- (a) sama ada Pelanggan mahupun Ahli Gabungannya bukan Orang Terhad;
- (b) Perkhidmatan tidak boleh digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk apa-apa tujuan yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai, memudahkan atau membiayai sebarang aktiviti, perniagaan atau transaksi, atau dengan, mana-mana Orang Terhad atau mana-mana Negara Terhad atau digunakan untuk membiayai pembelian atau pemindahan mana-mana barang atau peralatan ketenteraan;
- (c) Pelanggan telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan dengan representasi, waranti dan aku janji yang dinyatakan dalam Klausus 17 ini;
- (d) Pelanggan dan Ahli Gabungannya tidak melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Sekatan.

## **17.3 Pengamalan Sekatan oleh Pelanggan**

Pelanggan dengan ini mengaku janji kepada Bank seperti berikut:

- (a) ia tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melakukan sebarang transaksi dengan dana atau aset yang:
  - (i) membentuk harta, atau akan dimiliki secara benefisial oleh, mana-mana Orang Terhad; atau
  - (ii) ialah hasil langsung yang diperoleh daripada sebarang transaksi yang melanggar Sekatan yang dikenakan kepada mana-mana pihak di sini.
- (b) ia akan menghantar dengan segera kepada Bank dan membernarkan Bank untuk mendapatkan butiran sebarang tuntutan, tindakan, saman, prosiding atau penyiasatan terhadapnya atau Ahli Gabungannya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, kehakiman atau kawal selia berkenaan dengan Sekatan setakat yang butiran sedemikian tersedia untuknya
- (c) ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Gabungannya tidak akan) melanggar sebarang Sekatan dan tidak akan menjalankan atau terlibat dalam, secara langsung atau tidak langsung, sebarang transaksi, kelakuan, perdagangan, perniagaan atau aktiviti lain yang boleh mengakibatkan pelanggarannya. daripada sebarang Sekatan.
- (d) ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa tiada ahli Gabungannya akan) secara langsung atau tidak langsung menggunakan, atau membernarkan atau membernarkan mana-mana orang lain untuk secara langsung atau tidak langsung menggunakan, semua atau mana-mana bahagian produk dan kemudahan perbankan:
  - (i) untuk sebarang tujuan (secara langsung atau tidak langsung) yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai, memudahkan atau membiayai apa-apa aktiviti, perniagaan atau urus niaga, atau dengan, mana-mana Orang Terhad atau mana-mana Negara yang Dikenakan atau yang akan melanggar mana-mana Pencegahan Rasuah Undang-undang, Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau undang-undang pembiayaan keganasan; atau
  - (ii) dalam apa-apa cara lain yang boleh mengakibatkan Pelanggan atau Bank melanggar mana-mana Sekatan (jika dan setakat yang terpakai kepada salah satu daripada mereka) atau menjadi tertakluk kepada mana-mana Sekatan.



(e) ia hendaklah (dan ia hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Gabungannya akan) menjalankan perniagaannya dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan Undang-undang Pencegahan Rasuah dan Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram